



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI MEREKODKAN LIMA (5) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **lima (5) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **408 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Kesemua 5 kes tersebut telah dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Manakala, sebanyak **99 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan dan **95 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Pada hari ini terdapat **tujuh (7) lagi** kes positif **telah sembahuh dan telah discaj dari hospital** menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah **64**. Daripada 7 kes positif telah sembahuh tersebut, **5 kes** dari Hospital Umum Sarawak dan **2 kes** di Hospital Sibu.

#### **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

- a) Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakkan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **83 orang** kerana melanggar PKP.

b) Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **1,094 orang** telah ditangkap dan **593 orang** telah dituduh di Mahkamah.

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN**

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **55 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,493 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Survelan sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) di **16 buah hotel**. Daripada 16 hotel tersebut, **4 buah** hotel di Bahagian Kuching, **2 buah** hotel di Bahagian Bintulu, **9 buah** hotel di Bahagian Miri dan **sebuah** hotel di Bahagian Limbang.

### **4. PASUKAN BERTINDAK PERTAMA (ACCELERATING FLATTENING OF THE CURVE)**

Pasukan Bertindak Pertama mengenai mempercepatkan pendataran Lengkung / Keluk (Gelombang Semasa) atau *Accelerating Flattening of the Curve (Current Wave)* telahpun menyediakan pelan tindakan dalam usaha mengurangkan kes positif COVID-19 di Sarawak.

Tindakan pertama yang akan diambil adalah untuk mengenal pasti semua kontak rapat kepada kes positif COVID-19 yang belum disaring agar mereka tampil untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera.

Pasukan Bertindak ini akan menjalankan aktiviti mengesan dan mengenal pasti semua kontak di Bahagian Kuching terlebih dahulu, memandangkan bilangan yang terbesar terdapat di Bahagian tersebut.

Sehingga hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah mengenalpasti seramai 6,022 kontak di Bahagian Kuching. Daripada bilangan tersebut pula, seramai 3,538 orang telah menjalani ujian saringan, manakala, seramai 2,484 orang masih belum lagi menjalani ujian.

Oleh kerana amat penting bagi semua kontak disaring dalam memastikan rantaian jangkitan dapat diputuskan dan diharap memberi impak yang positif dalam meratakan lengkung, maka, kesemua kontak yang belum lagi menjalani ujian saringan tersebut akan dihubungi dan diminta datang untuk menjalani ujian saringan.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri ingin memaklumkan bahawa pegawai-pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak akan menghubungi kontak-kontak yang telah dikenal pasti tersebut melalui panggilan telefon mulai Isnin, 20 April 2020 untuk memberi arahan yang perlu mereka ambil tindakan seterusnya.

Adalah menjadi harapan agar semua kontak berkaitan memberi kerjasama yang baik untuk menjawab panggilan telefon yang akan dibuat nanti dan mematuhi semua arahan yang diberikan.

## **5. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP **97%**. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**19 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. STATISTIK KES PUI BAHARU MENGIKUT DAERAH 19.04.2020.**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	52
2	Miri	18
3	Samarahan	9
4	Serian	8
5	Betong	8
6	Bau	1
7	Lundu	1
8	Sri Aman	1
9	Sarikei	1
<b>JUMLAH</b>		<b>99</b>

**2. PEMATUHAN PKP**

Berikut adalah kes Tangkapan Harian mengikut Daerah (sehingga 19.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	22
2	Sibu	8
3	Miri	7
4	Kota Samarahan	6
5	Bau	6
6	Padawan	5
7	Sarikei	5
8	Lundu	4

9	Lubok Antu	4
10	Meradong	4
11	Saratok	3
12	Matu Daro	3
13	Limbang	1
14	Betong	1
15	Mukah	1
16	Serian	1
17	Sri Aman	1
18	Kanowit	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>83</b>

### 3. MAKLUMAT *SURVEILLANCE CENTER DI HOTEL*

(Data sehingga 19.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	115
2		Rajah Court Dorman	83
3		Kuching Park	78
4		Pullman	255
5	Miri	Mega	112
6		Somerset	45
7		Ostay Inn	19
8		Cosy Inn	48
9		Imperial Palace	144
10		Eastwood Resort	24
11		Imperial	134

12		Kingwood	26
13		Paragon	68
14	Limbang	Purnama	89
15	Bintulu	Wasan Inn	21
16		Park City Everly	232
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,493</b>

#### **4. OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR**

Pada hari ini, sebanyak **14 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **252 lokasi** seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	89
2	Miri	59
3	Limbang	21
4	Bintulu	20
5	Sarikei	19
6	Samarahan	17
7	Sri Aman	11
8	Betong	6
9	Kapit	5
10	Sibu	4
11	Serian	1
<b>Jumlah</b>		
<b>252</b>		